



Bil. JPAN:1000-9/159 Klt. 2 (17)

25 AUG 2022

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk/ Tuan/ Puan,

SURAT AKUAN PINJAMAN PENDIDIKAN INSTITUSI / TABUNG PENDIDIKAN

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa, salah satu syarat bagi pertimbangan kenaikan pangkat pegawai perkhidmatan awam negeri ialah calon hendaklah bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar daripada institusi atau tabung pendidikan.
3. Sehubungan dengan itu, pegawai yang terlibat dengan urusan tersebut dikehendaki untuk membuat pengakuan melalui borang "**Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi / Tabung Pendidikan**" seperti di **Lampiran A**. Borang tersebut hendaklah dikemukakan oleh Ketua Jabatan atau Ketua Perkhidmatan kepada Pihak Berkuasa Melantik bersama-sama dengan perakuan kenaikan pangkat pegawai.
4. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh dirujuk kepada **Bahagian Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

[**DATUK (DATU) ROSMADI DATU SULAI, JP**]
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri

s.k. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri
Tingkat 3 dan 4, Blok B, Wisma MUIS
88811 KOTA KINABALU

"SABAH MAJU JAYA"

Kepada :
 Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan

Tuan,

SURAT AKUAN PINJAMAN PENDIDIKAN INSTITUSI / TABUNG PENDIDIKAN

Saya No. K/P:
 mengesahkan bahawa:

(Tandakan (/) pada (1) satu pilihan sahaja)

	Saya tidak ada mengambil pinjaman pendidikan dari mana-mana institusi / tabung pendidikan.
	Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikh hingga sebanyak RM..... dan saya sedang membuat pembayaran secara bulanan melalui *potongan gaji / tunai mulai tarikh
	Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikh hingga sebanyak RM..... dan saya telah pun menyelesaikan sepenuhnya pinjaman pada

**potong yang tidak berkenaan*

PERAKUAN

1. Saya mengaku dan mengesahkan telah membuat semakan dengan institusi pinjaman pendidikan dan **bebas** daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar.
2. Saya mengaku bahawa pengisytiharan di atas adalah **benar**. Sekiranya didapati tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti yang tertakluk di dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 atau peraturan lain yang sedang berkuat kuasa.

.....
 (Tandatangan)

Nama :
 Jawatan :
 Tarikh :